



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL(S) 57/2019(JPM)
TARIKH : 30 APRIL 2019

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah dalam Kod Bidang 210101 ATAU 210103 DAN 210105 DAN 210107** yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perolehan yang berikut:

“MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJITERIMA BAGI MENYELENGGARA 2 UNIT SISTEM KESELAMATAN RANGKAIAN (NG FIREWALL) SERTA KONFIGURASI RANGKAIAN SECARA BERTINDIH (REDUDANCY NETWORK) UNTUK PERBADANAN LABUAN”
2. Dokumen sebut harga berharga **RM 15.00** (tidak dikembalikan) boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan** mulai **07.05.2019** sehingga **14.05.2019**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas/ daripada tarikh yang dinyatakan.
3. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BESERTA SATU SALINAN** dari **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**
4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat / lawatan tapak pada **06.05.2019 (Isnin)**. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **Bilik Persidangan Video, Tingkat 3, Jabatan Pengurusan Maklumat, Wisma Perbadanan Labuan** pada hari tersebut sebelum jam **9.30 pagi**.
5. **Hanya penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebutharga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama di dalam sijil. Oleh itu syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak. (Rujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013)**
6. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga No. 1 di Tingkat 2, Wisma Perbadanan Labuan** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **15.05.2019 (Rabu)**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri dan bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NORINA @ MORIN IGNATIUS BEATTY)
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan